

MUKHANNATH DAN HUBUNG KAITNYA DENGAN TRANSGENDER MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Nur Fatin Halil (Penulis bersama)

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +601129008786, E-Mel: fatinurhalil@gmail.com

Irwan Mohd Subri, USIM

Mohd Nasir bin Abdul Majid, USIM

Rafidah Hanim binti Mokhtar, USIM

Mohd Izwan Md Yusof, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Umi Adzlin Silim, Hospital Serdang

ABSTRAK

Fenomena peningkatan transgender di Malaysia atau dikenali dengan gelaran ‘mak nyah’ semakin membimbangkan. Terminologi ‘transgender’ mungkin tiada dalam Al-Quran dan masih belum wujud pada zaman Rasulullah, namun isu dan permasalahan tentang *mukhannath* telah mula dibincangkan pada zaman tersebut. *Mukhannath* merupakan perkataan Bahasa Arab yang berasal daripada kata akar ‘*kha na tha*’ yang bermaksud lembut. Menurut istilah, *mukhannath* bermaksud lelaki yang berperwatakan wanita dan definisi ini mengandungi persoalan adakah ia mempunyai perkaitan dengan golongan transgender pada hari ini. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji definisi *mukhannath* daripada perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah serta menentukan sama ada transgender termasuk dalam pentakrifan *mukhannath*. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah penelitian teks atau dokumen. Penyelidik melakukan penelitian terhadap ayat-ayat Al-Quran dan pentafsirannya serta hadis-hadis yang mengandungi perbincangan tentang *mukhannath*. Kajian mendapati perkataan *mukhannath* tidak disebut secara langsung dalam Al-Quran, namun ia disebut dengan jelas dalam beberapa hadis Nabi SAW. Kefahaman yang tuntas tentang *mukhannath* melalui Al-Quran dan Al-Sunnah dapat menerangkan tentang status dan kedudukan golongan transgender menurut Islam serta pendekatan nabawi dalam berhadapan dengan golongan ini.

Kata kunci: *Mukhannath*, Al-Quran, Al-Sunnah, Transgender, Pendekatan Nabawi

Pendahuluan

Penciptaan Adam dan Hawa telah menunjukkan bahawa manusia dibahagikan kepada dua jenis iaitu lelaki dan wanita. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًاٰ وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُواٰ إِنَّ أَكْثَرَ رَمَّكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ

13. “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih

keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)” (Al-Hujurat: 13).

Berdasarkan ayat ini, Al-Qurtubi (2006) dalam tafsirnya berpendapat, ayat ini mengandungi hujah yang kuat bahawa manusia normal hanya terdiri daripada dua golongan iaitu lelaki dan wanita. Allah SWT hanya mengiktiraf dua jantina manusia dan kedua-duanya iaitu lelaki dan wanita merupakan dua makhluk Allah yang berbeza dari segi penciptaan. Allah SWT berfirman:

وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنثَىٰ

36. dan memanglah tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan... (Ali Imran: 36)

Terdapat banyak perbezaan antara lelaki dan wanita sama ada dari segi biologi, fisiologi, sosiologi dan psikologi. Dari segi biologi sebagai contoh, seseorang yang mempunyai kromosom XY dianggap lelaki, manakala seseorang yang mempunyai kromosom XX dianggap perempuan (Wei, et al. 2012). Perbezaan lelaki dan wanita juga sangat ketara dari segi fizikal, organ seks dan fungsi sistem reproduktif. Perkara ini sangat bertepatan dengan ajaran al-Quran, yang menentukan jantina secara binari (terdiri daripada dua elemen) dan berdasarkan ciri-ciri biologi.

Walaupun pembahagian jantina kepada lelaki dan wanita merupakan sesuatu yang sudah jelas, terdapat gerakan global yang aktif dan secara terancang memperjuangkan pengiktirafan 'jantina ketiga'. 'Jantina ketiga' atau dikenali sebagai transgender dikaitkan dengan isu identiti jantina, yang merujuk kepada keadaan seseorang yang identiti atau ekspresi jantinanya berlawanan atau bertentangan dengan norma tradisi serta ciri fizikal seksualnya (Perry N. Halkitis et.al., 2009). Perkara ini berpunca daripada rasa tidak puas hati dan ketidakserasan antara tubuh badan dan jiwa mereka (Afif, 2019).

Di Malaysia, individu yang mengalami kekeliruan jantina atau transgender dirujuk sebagai 'mak nyah', 'pondan', 'bapok', 'darai' dan 'lelaki lembut'. Istilah, 'mak nyah', dianggap lebih diterimapai berbanding istilah seperti 'pondan' atau 'bapok' (Teh, 1998), yang secara amnya merujuk kepada lelaki yang feminin dan termasuk juga golongan homoseksual. Statistik terdahulu mencadangkan terdapat antara 10,000 hingga 20,000 transgender di negara ini dengan majoritinya adalah Melayu Islam (Teh, 2008).

Nik Abdul Rashid (1987) dalam kajiannya bertajuk “Mak Nyah Dari Segi Undang-Undang Negara” menyatakan, jantina seseorang individu adalah merupakan faktor asasi dan faktor penentu dalam riwayat hidup seseorang, dari ia lahir hingga ia meninggal dunia. Menurut beliau lagi, hingga kini, undang-undang negara Malaysia tidak mengiktiraf jantina ketiga, bahkan terdapat undang-undang negeri yang menganggap jantina ketiga atau pondan sebagai sesuatu yang jelek dan hina. Berpandukan kepada agama Islam, pondan atau mak nyah hendaklah dihukum sebagai suatu kesalahan jenayah.

Jika diamati, terminologi transgender dan mak nyah sememangnya tidak wujud pada zaman Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, isu dan fenomena kekeliruan jantina telah dibincangkan ketika mana menyebut tentang golongan yang dikenali sebagai *mukhannath* atau lelaki yang menyerupai wanita. Para ulama silam seperti Al-Nawawi (2008), Ibn Qudamah (1996), Al-Sarkhasi (1993) dan Ibn ‘Abd al-Barr (1990) juga telah menyentuh mengenai istilah *mukhannath* dalam kitab-kitab Fiqh mereka.

Oleh kerana itu, satu kajian yang terperinci mengenai istilah *mukhannath* melalui penelitian wahyu iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah perlu dilaksanakan untuk mengetahui sama ada ia bertepatan atau mempunyai perkaitan dengan golongan transgender dan mak nyah pada hari ini. Kefahaman yang jelas mengenai istilah *mukhannath* dapat menerangkan tentang status dan posisi golongan transgender menurut Islam, serta pendekatan nabawi dalam menghadapi golongan ini.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

Meneliti teks Al-Quran yang mempunyai penerangan mengenai *mukhannath*.
Membentangkan hadis-hadis terpilih yang menyebut tentang *mukhannath*.
Menjelaskan hubung kait *mukhannath* dengan transgender serta pendekatan nabawi dalam berhadapan dengan golongan ini.

Metodologi Kajian

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah penelitian teks atau dokumen. Penelitian teks atau disebut juga sebagai analisis kandungan (*content analysis*) merupakan teknik kajian yang diguna bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks (atau bahan lain yang bermakna) bagi konteks yang diguna (Krippendorff, 2004) dan White & Marsh, 2006). Analisis kandungan adalah alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal.

Kandungan atau teks yang dianalisis dalam kajian ini melibatkan sampel ayat Al-Quran dan teks hadis yang mengandungi istilah *mukhannath*. Penyelidik melakukan penelitian terhadap ayat-ayat Al-Quran dan merujuk tafsirannya. Antara kitab tafsir yang dirujuk adalah seperti kitab Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Al-Qurtubi. Hadis-hadis yang mengandungi perbincangan tentang *mukhannath* juga diteliti dalam kajian ini dan penyelidik memfokuskan kepada hadis-hadis yang bertaraf sahih sahaja.

Dapatan Kajian

Definisi *Mukhannath*

Mukhannath (محنث) merupakan perkataan Bahasa Arab berasal daripada kata akar “ختّ” yang bermaksud pecah dan bengkok (Ibnu Manzur, 1999). Menurut al-Fayruzabadi (1997), “ختّ” dari segi bahasa bermaksud lemah atau pecah. Jama’nya *Khanath* (خناث)، *Khanathi* (خناثي)، *Inkhinath* (انخناث). Ia juga dimaksudkan dengan (ختت شيء فتحت) iaitu apabila dibengkokkan maka bengkoklah ia.

Muhammad Rawas (1988) mendefinisikan *mukhannath* sebagai lelaki yang menyerupai wanita dalam cara berjalannya, kata-katanya, emosinya dan kelembutannya. Dari segi istilah syarak, *mukhannath* didefinisikan oleh Al-Khatib Al-Sharbini (1994) sebagai “golongan yang berperangai seperti wanita, terutama dalam pergerakan dan tindak tanduk mereka. Namun,

sekiranya asal kejadian mereka sebegitu, maka tidaklah berdosa”.

Al-Nawawi (1994) telah membahagikan *mukhannath* kepada dua golongan. Golongan pertama adalah *mukhannath* yang telah diciptakan dan dilahirkan sebegitu rupa dan mereka tidak mengada-adakan atau berpura-pura berperangai seperti wanita, juga menyerupai wanita dalam berpakaian, percakapan dan pergerakan mereka. Dalam keadaan ini, mereka tidak dipersalahkan, tidak berdosa, tiada aib serta tiada hukuman dikenakan kerana dimaafkan. Adapun golongan kedua, mereka adalah *mukhannath* yang bukan dilahirkan semulajadi, tetapi berlagak seperti wanita dalam gerak-geri, perwatakan dirinya, juga dalam percakapan serta berhias, maka golongan ini dicela sepetimana yang disebut dalam hadis sahih bahawa laknat bagi mereka. Walaubagaimanapun, golongan pertama yang disebutkan tidak dilaknat.

Menurut Kamus Dewan, *mukhannath* secara umum ditakrifkan sebagai lelaki yang lebih bersifat keperempuanan ataupun pondan (Kamus Istilah Bahasa Melayu, Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP). Istilah ‘pondan’ adalah yang paling sering digunakan oleh semua lapisan masyarakat untuk seseorang yang mempunyai tingkah laku yang tidak mengikuti identiti jantina yang telah ditentukan oleh keluarga dan masyarakat baginya (Wan Halim Othman, 1987). Di Indonesia pula, istilah yang digunakan untuk *mukhannath* adalah seperti benci, wadam, waria dan sebagainya.

Mukhannath Menurut Al-Quran

Berdasarkan penelitian penyelidik, tiada perkataan *mukhannath* yang disebut secara langsung atau terus di dalam Al-Quran. Walaubagaimanapun, terdapat istilah dalam Al-Quran yang mempunyai huraiyan yang merujuk kepada istilah *mukhannath*.

Antara istilah yang mempunyai perkaitan dengan istilah *mukhannath* adalah ‘*ghairu ulil irbah*’. Istilah ini direkodkan dalam firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَتِهِنَّ أَوْ آبَاءِهِنَّ أَوْ بُعْوَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ بُعْوَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَلَكُوتُ أَيْمَانِهِنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرُ أُولَئِكَ الِإِرْبَةُ مِنَ الرِّجَالِ

31: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau *ghairu ulil irbah* (orang-orang lelaki yang tidak berkeinginan kepada perempuan)... (Al-Nur: 31).

Dalam ayat ini, Allah memerintahkan kepada para wanita beriman agar menundukkan pandangan dan memelihara aurat mereka daripada lelaki kecuali dibenarkan untuk membukanya kepada golongan yang dikecualikan. Turut serta dalam golongan yang

dikecualikan ini adalah golongan yang disebut sebagai ‘ghairu ulil irbah’.

Ibnu Kathir (1998) menukilkan beberapa pandangan ulama yang berbeza mengenai tafsiran ayat ini. Menurut Ibnu Kathir:

وَقُولُهُ: (أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرُ أُولَى الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ) يَعْنِي: كَاالأَجْرَاءِ وَالْأَتَابِعِ الَّذِينَ لَيْسُوا بِأَكْفَاءٍ، وَهُمْ مَعَ ذَلِكَ فِي عُقُولِهِمْ وَلَهُ وَخَوْثُ، وَلَا هُمْ هُمْ إِلَى النِّسَاءِ وَلَا يَشْتَهِوْهُنَّ. قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: هُوَ الْمَغْفَلُ الَّذِي لَا شَهْوَةَ لَهُ. وَقَالَ مُجَاهِدٌ: هُوَ الْأَبْلَهُ. وَقَالَ عِكْرَمَةُ: هُوَ الْمَحْنَثُ الَّذِي لَا يَقُومُ زَيْنَهُ. وَكَذَلِكَ قَالَ غَيْرٌ وَاحِدٌ مِنَ السَّلْفِ.

Maksudnya: “Orang-orang yang tidak berkeinginan terhadap perempuan menurut Ibnu Abbas adalah lelaki dungu yang tidak mempunyai nafsu syahwat. Mujahid menyatakan bahawa mereka adalah orang yang akalnya lemah (*al-ablah*). Manakala menurut Ikrimah dan beberapa ulama salaf, yang dimaksudkan oleh ayat ini adalah *mukhannath* yang kemaluannya tidak dapat berereksi atau berfungsi”.

Seterusnya Al-Tabari (1995) menyatakan:

وَالَّذِينَ يَتَبَعُونَكُمْ لِطَعَامٍ يَأْكُلُونَهُ عِنْدَكُمْ، مَنْ لَا أَرْبَبَ لَهُ فِي النِّسَاءِ مِنَ الرِّجَالِ، وَلَا حَاجَةَ بِهِ إِلَيْهِنَّ، وَلَا يُرِيدُهُنَّ

Maksudnya: “Mereka adalah orang-orang yang mengikuti kalian untuk memperoleh makanan kepunyaan kalian agar mereka boleh memakannya. Mereka adalah para lelaki yang tidak memiliki hasrat terhadap wanita. Mereka tidak memiliki keinginan terhadap wanita dan mereka juga tidak menginginkan wanita”.

Menurut Al-Tabari lagi:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ (أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرُ أُولَى الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ) قَالَ: كَانَ الرَّجُلُ يَتَبَعُ الرَّجُلَ فِي الزَّمَانِ الْأَوَّلِ لَا يَعْلَمُ عَيْنِهِ وَلَا تُرْكِبُ الْمَرْأَةُ أَنْ تَضَعَ حِمَارَهَا عِنْدَهُ، وَهُوَ الْأَحْمَقُ الَّذِي لَا حَاجَةَ لَهُ فِي النِّسَاءِ.

Maksudnya: “Ibnu Abbas menjelaskan bahawa pada zaman awal Islam, ada lelaki yang ikut membantu di rumah lelaki lain. Dia tidak dicemburui oleh si majikan lelaki. Perempuan di rumah itu pun tidak takut untuk menanggalkan purdah/ tudungnya di samping lelaki tersebut. Ia adalah lelaki bodoh (*al-ahmaq*) yang tidak memiliki hasrat terhadap perempuan”.

Dalam Kitab al-Jami’ Li Ahkam al-Quran, Al-Qurtubi (2006) menyimpulkan seperti berikut:

وَاحْتَلَفَ النَّاسُ فِي مَعْنَى قَوْلِهِ: أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرُ أُولَى الْإِرْبَةِ فَقِيلَ: هُوَ الْأَحْمَقُ الَّذِي لَا حَاجَةَ بِهِ إِلَى النِّسَاءِ. وَقِيلَ الْأَبْلَهُ. وَقِيلَ: الرَّجُلُ يَتَبَعُ الْقَوْمَ فَيَأْكُلُ مَعَهُمْ وَيَرْتَقِي بِهِمْ؛ وَهُوَ ضَعِيفٌ لَا يَكْتَرُثُ لِلنِّسَاءِ وَلَا يَشْتَهِيْهِنَّ. وَقِيلَ الْعِنَّى. وَقِيلَ الْحَصِّيُّ. وَقِيلَ الْمُحَنَّثُ. وَقِيلَ الشَّيْخُ الْكَبِيرُ، وَالصَّيْخُ الَّذِي لَمْ يُدْرِكْ. وَهَذَا الْاِخْتِلَافُ كُلُّهُ مُتَفَارِبٌ الْمَعْنَى، وَيَجْتَمِعُ فِيهِنَّ لَا فَهْمَ لَهُ وَلَا هَمَّ يَنْتَهِيْهِ إِلَى أَمْرِ النِّسَاءِ

Maksudnya, “Orang ramai berbeza pandangan pada makna ‘ghairu ulil irbah’. Mereka adalah:

Al-Ahmaq; lelaki bodoh yang tidak memiliki hasrat terhadap perempuan

Al-Ablah; orang yang akalnya lemah

Orang yang mengikuti suatu kaum untuk memperoleh makanan

Orang yang lemah dan tidak memiliki syahwat terhadap wanita

Al-Anin; orang yang mati pucuk

Al-Khasiy; orang yang dikembiri atau dikasi

Al-Mukhannath

Lelaki tua

Anak kecil yang masih belum memahami

Kesemua perselisihan pandangan ini mengandungi tafsiran yang dekat maksudnya iaitu orang yang tidak berkeinginan terhadap wanita. Di antara pandangan-pandangan ini, pandangan Ikrimah dan beberapa ulama salaf dalam Tafsir Ibnu Kathir dan juga pandangan dalam Tafsir Al-Qurtubi telah mengaitkan ‘ghairu ulil irbah’ dengan golongan *mukhannath*.

Kesimpulannya, perkataan *mukhannath* tidak disebut secara langsung dalam Al-Quran, namun terdapat penafsiran ulama terhadap istilah yang mempunyai perkaitan dengan *mukhannath* iaitu istilah ‘ghairu ulil irbah’.

Mukhannath Menurut Al-Sunnah

Terdapat beberapa hadis sahih yang menyebut tentang *mukhannath*. Antaranya seperti berikut:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَهَا وَفِي الْبَيْتِ مُخْنَثٌ، فَقَالَ الْمُخْنَثُ لِأَخِيهِ أُمِّ سَلَمَةَ عَدْلُ اللَّهِ بْنِ أَبِي أُمَيَّةَ إِنْ فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الطَّائِفَ عَدًا أَذْلُكَ عَلَى ابْنَةِ عَيْلَانَ، فَإِنَّهَا تُقْبِلُ بِأَزْبَعٍ وَتُنْدِرُ بِشَمَانٍ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَدْخُلَنَّ هَذَا عَلَيْكُمْ (رواه البخاري)

Diriwayatkan oleh Ummu Salamah RA bahawa Nabi SAW ada di sisinya. Sedangkan dalam rumah itu ada *mukhannath*. Kata *mukhannath* tadi kepada Abdullah bin Abi Umayyah, saudara Ummu Salamah: “Jika Allah membuka bagi kamu esok bumi Taif, nescaya aku tunjukkan kamu anak perempuan Ghaylan, dia menghadap dengan empat dan membelakangimu dengan lapan (*Mukhannath* tersebut menggambarkan perihal seorang wanita). Nabi SAW pun bersabda: “Jangan kamu membawa masuk ini ke atas kamu”. (Riwayat Al-Bukhari. *Bab Ma Yunha min Dukhul al-Mutashabbihin bi al-Nisa'* ala al-Mar'ah. Dalam Fath al-Bari. No. 5235).

Berdasarkan hadis ini, Nabi SAW melarang *mukhannath* masuk ke rumah bersama wanita kerana dianggap mempunyai syahwat ketika mana ia menceritakan tentang sifat tubuh wanita. Arahan dan tindakan mengusir *mukhannath* bukan atas dasar kebencian, tetapi untuk memelihara kehormatan wanita terutama isteri-isteri baginda yang berhadapan dengan golongan *mukhannath*.

Nabi SAW juga pernah memerintahkan supaya *mukhannath* dikeluarkan daripada rumah. Ibnu Abbas RA meriwayatkan:

لَعَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخَنَّثِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُرَاجِلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ، وَقَالَ: أَخْرُجُوهُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ. فَأَخْرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فُلَانًا وَأَخْرَجَ عُمَرَ فُلَانَةً (رواه البخاري)

Nabi SAW melaknat *al-mukhannathin* (individu yang menyerupai wanita) dari kalangan lelaki dan melaknat *al-mutarajjalat* (individu yang menyerupai lelaki) dari kalangan wanita. Dan Nabi bersabda: “Keluarkan mereka dari rumah-rumahmu”. Kata Ibnu Abbas: “Nabi SAW telah mengeluarkan seorang lelaki dan Umar pernah mengeluarkan seorang wanita”. (Riwayat Al-Bukhari. *Bab Ikhraj al-Mutashabbihin bi al-Nisa'* min al-Buyut. Dalam Fath al-

Bari. No. 333).

Hadis ini secara tegas menyatakan bahawa baginda Nabi SAW melaknat terhadap perilaku *takhannuth* (penyerupaan sebagai wanita untuk lelaki) dan *tarajjul* (penyerupaan sebagai lelaki untuk wanita) yang menjadikan perbuatan tersebut hukumnya haram. Antara alasan dan hikmah larangan atas perbuatan seperti ini adalah kerana ia menyalahi fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Al-Munawi (2003) berkata dalam karyanya *Fayd al-Qadir*:

وحكمة لعن من تشبه إخراجه الشيء عن صفتة التي وضعها عليه أحكم الحكماء

Maksudnya: "Hikmah dari laknat terhadap orang yang berusaha menyerupai lawan jenis adalah mengeluarkan sesuatu dari sifat yang telah ditetapkan oleh Sang Maha Bijaksana (iaitu Allah SWT)".

Dalam hadis lain, Abu Hurairah RA meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُتِيَ مُحْكَمٌ قَدْ حَضَبَ يَدَيهِ وَرِجْلَيهِ - أَيْ صَبَعُهَا بِالْحِنَاءِ كَالنِّسَاءِ -، فَقَيْلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ! هَذَا يَتَشَبَّهُ بِالنِّسَاءِ، فَنَفَاهُ إِلَى النَّقِيعِ - عِقَابًا لَهُ فِي مَكَانٍ عُرْبَةً وَوَحْشَةً، وَحِمَايَةً لِغَيْرِهِ - فَقَيْلَ أَلَا تَقْتُلَهُ، فَقَالَ: إِنِّي هُنْيُثُ عَنْ قَتْلِ الْمُصَلَّينَ

Seorang *mukhannath* yang telah menginaikan tangan dan kakinya telah dibawa berjumpa Rasulullah SAW. Baginda bertanya: Apakah yang telah berlaku pada lelaki ini? Baginda diberitahu: Wahai Rasulullah! Dia telah menyerupai wanita. Maka dia dibuang daerah ke Al-Naqi' sebagai hukuman kepadanya di tempat terasing dan penduduknya kasar, begitu juga untuk memelihara orang lain. Para sahabat berkata; "Wahai Rasulullah! Mengapa kita tidak membunuhnya sahaja? Baginda menjawab: Aku telah diharamkan membunuh orang yang bersolat" (Hadis. Abu Dawud. Kitab al-Adab. *Bab Fi al-Hukm Fi al-Mukhannathin*. No. 4928).

Dalam hadis ini, Nabi SAW tidak membunuh *mukhannath* tetapi mengusir ke luar daerah sebagai hukuman atas perlakuan yang dilaknat itu.

Dapat disimpulkan daripada beberapa hadis yang disebutkan ini, pendekatan Rasulullah SAW terhadap golongan *mukhannath* iaitu golongan lelaki yang menyerupai wanita adalah seperti berikut:

Memberi ancaman laknat kepada golongan ini dan ancaman laknat memberi petunjuk akan dosanya perlakuan *takhannuth* tersebut.

Melarang mereka daripada masuk ke dalam rumah atau kawasan wanita serta larangan melihat tubuh wanita.

Mengarahkan untuk mereka dikeluarkan daripada rumah.

Membuang atau mengusir mereka ke luar daerah iaitu tempat yang berasingan daripada tempat tumpuan masyarakat tetapi tidak membunuh mereka.

Ibnu Taimiyyah (2005) menjelaskan bahawa *maslahah* (kebaikan) daripada hukuman buang atau pengusiran ini adalah agar orang ramai tidak terkena kesan buruk dengan tingkah lakunya. Tiada hukuman hudud atau *kaffarah* bagi mereka yang menjadi *mukhannath*, namun ada hukuman takzir iaitu pengusiran seperti yang dilaksanakan Rasulullah, dan hukuman ini bergantung kepada tahapan jenayah yang dilakukan oleh *mukhannath* tersebut.

Hadis-hadis ini juga menjadi petunjuk bahawa hukum pergaulan dengan golongan *mukhannath* iaitu lelaki yang menyerupai wanita adalah sama dengan lelaki normal kerana mereka mempunyai naluri dan keinginan terhadap wanita, walaupun berkemungkinan terdapat *mukhannath* yang mendakwa bahawa mereka tidak mempunyai nafsu syahwat atau kecenderungan terhadap wanita. Percampuran atau pergaulan bebas kaum wanita dengan *mukhannath*, terutamanya lelaki yang menyerupai wanita (sebagai contoh jurusolek lelaki yang berperwatakan dan berpakaian wanita) perlu dijauhkan kerana masih ada batas yang perlu dijaga di antara golongan *mukhannath* dan wanita.

***Mukhannath* dan Hubung Kaitnya dengan Transgender**

Penelitian yang dilakukan terhadap istilah *mukhannath* daripada Al-Quran dan Al-Sunnah menunjukkan bahawa *mukhannath* yang disebut melalui huraiyan tafsir dan teks hadis mempunyai perkaitan dengan golongan transgender pada hari ini.

Kalimah atau istilah *mukhannath* yang disebut secara jelas dalam hadis-hadis sahih menerangkan bahawa golongan ini adalah kaum lelaki yang menghadapi kecelaruan identiti jantina kerana menyerupai wanita dalam perwatakan mereka. Ini bertepatan dengan definisi transgender yang didefinisikan sebagai individu yang merasa tidak selesa dengan jantina semulajadinya dan lebih selesa memperkenalkan identiti diri sebagai jantina yang difikirkan dalam minda mereka (Chang Lee Wei et al, 2012). *Mukhannath* juga menepati definisi transgender kerana mereka adalah individu yang merasakan bahawa mereka terperangkap dalam tubuh badan yang berlawanan dengan naluri dan perasaan mereka dan menjurus kepada menjadi jantina yang berlainan dengan jantina kelahiran mereka (American Psychological Association, 2011).

Penerangan *mukhannath* berdasarkan Al-Sunnah juga menunjukkan golongan ini merupakan golongan yang dilaknat. Maka penyerupaan terhadap jantina yang berlawanan dan perlakuan transgender adalah satu perbuatan yang diharamkan dan tidak diiktiraf dalam Islam.

Walaubagaimanapun, istilah *mukhannath* yang tidak disebut secara langsung dalam Al-Quran membuka kepada perbincangan dan huraiyan yang panjang lebar serta menjadi *khilaf* (perselisihan) di kalangan para ulama. Sebagai contoh, terdapat kepelbagaiannya dalam mendefinisikan ‘*ghairu ulil irbah*’ yang antaranya termasuk golongan *mukhannath* yang dikaitkan dengan kaum lelaki yang tidak memiliki nafsu syahwat terhadap wanita. Huraian ini masih boleh dibincangkan dengan lanjut kerana menurut hadis-hadis yang telah dibentangkan dalam kajian ini, tindakan Nabi SAW terhadap golongan *mukhannath* menunjukkan mereka tetap boleh mempunyai naluri terhadap Wanita. Terdapat *mukhannath* yang mengimajasikan tubuh wanita dan kerana itu mereka diarahkan untuk dikeluarkan dan dijauhkan daripada para wanita serta dihukum dengan pengusiran.

Oleh kerana itu, penyelidik berpandangan istilah ‘*ghairu ulil irbah*’ yang terdapat dalam Al-Quran lebih menjurus kepada golongan lelaki yang tidak memiliki nafsu syahwat terhadap wanita dan tidak menepati definisi *mukhannath* dan transgender iaitu mereka yang memiliki kecelaruan identiti atau melakukan penyerupaan terhadap jantina yang bertentangan.

Namun, terdapat aktivis transgender yang licik dan mengambil peluang dengan menggunakan hujah *khilaf* ulama dalam mendefinisikan ‘*ghairu ulil irbah*’ sebagai *mukhannath*, yang seakan menjadi dalil bagi mereka bahawa golongan ‘*ghairu ulil irbah*’ adalah transgender yang

diiktiraf Islam. Pada 13 Ogos 2018, Elisha Kor Krishnan telah memuatnaik respon beliau berhubung kenyataan Menteri Agama ketika itu (Dr. Mujahid Yusof Rawa) tentang penggunaan tandas wanita oleh golongan transgender. Elisha mendakwa bahawa Dr. Mujahid tidak mempunyai pengetahuan am berhubung perkara ini lalu membawa ayat 31 daripada tafsir Surah al-Nur yang antara lain seakan menjadi dalil bagi mereka bahawa golongan ‘ghairu ulil irbah’ ini adalah transgender yang dimaksudkan di dalam Al-Quran.

Penggunaan dalil daripada Al-Quran dan hadis oleh golongan aktivis transgender ini dilihat tidak bertepatan dengan metodologi yang telah digariskan oleh sarjana silam serta penelitian tentangnya tidak holistik dan bersikap selektif (Ahmad Sanusi, 2018). Justeru, penerangan yang tepat dan komprehensif oleh para ulama, ahli akademik dan penyelidik Islam mengenai status golongan *mukhannath* dan transgender perlu digiatkan agar tidak menimbulkan kekeliruan dan salah faham dalam masyarakat.

Penutup

Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa perkataan *mukhannath* tidak disebut secara langsung dalam Al-Quran, namun ia disebut dengan jelas dalam beberapa hadis Nabi SAW. Menurut Al-Sunnah, *mukhannath* merupakan golongan lelaki yang menghadapi kecelaruan identiti jantina kerana menyerupai wanita dalam perwatakan dan perbuatan mereka, dan ini bertepatan dengan definisi transgender pada hari ini. *Mukhannath* menurut Al-Quran pula menemui huriaian istilah ‘ghairu ulil irbah’ yang mempunyai perkaitan dengan *mukhannath*, namun terdapat khilaf dan kepelbagaiannya penafsiran yang menjadikan istilah ini kurang menepati definisi transgender. Kesimpulannya, Al-Quran dan Al-Sunnah telah memberi petunjuk bahawa perlakuan *mukhannath* dan transgender merupakan perlakuan yang dilaknat dan diharamkan dalam Islam.

Penghargaan

Artikel ini ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di bawah Geran Kajian Perundingan di antara JAKIM dan USIM dengan tajuk penyelidikan “*Mukhannath Menurut Fiqh dan Perubatan Serta Kaitannya Dengan Transgender*”, (Nombor Perundingan: A2-5-19-840111-38).

Rujukan

Al-Quran.

- Afif, Muh Bahrul. (2019). Islam and transgender (A study of hadith about transgender). *International Journal of Nusantara Islam*. 7.2 (2019): 185-189.
- Ahmad Sanusi Azmi. (2018). *Penggunaan Ayat Al-Quran Oleh Transgender*. Retrieved from: <http://wafiq.my/2018/10/30/penggunaan-ayat-al-quran-oleh-transgender/>.
- Al-Bukhari, Muhammad. (1978). *Sahih al-Bukhari*. Dar al-Hadith.
- Al-Fayruzabadi, Muhammad bin Ya‘qub. (1997). *Al-Qamus al-Muhiṭ*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Mahyuddin Yahya bin Sharaf. (2008). *Al-Majmu’ Syarh Muhazzab*. Maktabah al-Irshad.
- Al-Nawawi. (1994). *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*. Muassasah Qurtubiyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad. (2006). *Al-Jami` li Ahkam Al-Qur`an*. Beirut: Ihya al-Turath al-‘Arab.
- Al-Sarkhasi, Syams al-Din. (1993). *Kitab al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

- Al-Sharbini, al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. (1995). *Jami` al-Bayan fi Tafsir al-Qur`an*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma`rifah.
- American Psychological Association. (2011). <https://www.apa.org/>
- Chang Lee Wei et al. (2012). Transgenderism in Malaysia. *Journal of Dharma* 37(1).
- Dawud, Abu. (1984). *Sunan Abu Dawud*. Vol. 1. Sh. Muhammad Ashraf.
- Halkitis, P.N., Mattis, J.S., Sahadath, J.K. et al. (2009). The Meanings and Manifestations of Religion and Spirituality among Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender Adults. *J Adult Dev* 16, 250–262 (2009). <https://doi.org/10.1007/s10804-009-9071-1>.
- Ibn `Abd al-Barr, Yusuf bin `Abdullah bin Muḥammad. *Al-Tamhid li-ma fī al-Muwaṭṭa' min Al-ma 'ani wal-asanid*. (1990). Edited by Said Aḥmad A`rab. 2nd ed. 26 vols. Morocco: Wizarat al-Awqaf wa'l-Shu'un al-Islamiyya.
- Ibn Manzur. (1999). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, Abdullah ibn Ahmad. (1996). *Al-Mughni*. Riyadh: Dar Alamul Kutub.
- Ibn Taimiyah. (2005). *Majmu' al-Fatawa Ibn Taimiyah*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Ibnu Kathir. (1998). *Tafsir Al-Qur'an al-Azhim*. Riyadh: Dar al-Nasyar.
- Kamus Istilah Bahasa Melayu, Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology*. Thousand Oaks, California: Sage Publications Inc.
- Muhammad Rawas. (1988). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafa.
- Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid. (1987). Ke arah menentukan identiti dan status mak nyah dalam masyarakat. *Seminar Mak Nyah*. 170-197.
- Teh, Yik Koon. (2008). HIV related needs for safety among male to female transsexuals (mak nyah) in Malaysia. *SAHARA J*. 2008;5(4):178–85.
- Teh, Yik Koon. 1998. Understanding the problems of mak nyahs (male transsexuals) in Malaysia. *South East Asia Research*. 6.2 (1998): 165-180.
- Wan Halim Othman. (1987). Dilema Mak Nyah di Dalam Masyarakat Malaysia. Kertas Kerja Seminar Mak Nyah, Universiti Malaya, 24-25 Oktober 1987.
- Wei, Chang Lee, Azizan Baharuddin, Raihanah Abdullah, Zuraidah Abdullah & Kathleen Por Chee Ern. (2012). Transgenderism in Malaysia. *Dharmaram Journals*, 37, no. 1 (2012): 79-96.
- White, Marilyn Domas & Emily E. Marsh. (2006). Content analysis: A flexible methodology. *Library trends*. 55.1 22-45.
- Zaid Al-Munawi. (2003). *Faidhul Al-Qadir*. Beirut: Darul Fikr Al-Ilmiyah.